

Headline	Jangan pernah takut untuk pilih bidang yang diminati		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	547 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,331
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,992



Karyaker

Jangan pernah takut untuk pilih bidang yang diminati

MINATNYA pada alam sekitar membuatkan Wan Mohamad Hafeez Wan Ahmad tekad memilih bidang perhutanan renjer walaupun kurang direstui oleh bapanya.

Katanya, bapanya yang terlibat dalam bidang perubatan mahukan dirinya melabutkan diri dalam bidang sama selain dilihat mempunyai peluang cerah. "Ayah sejak awal lagi mahukan saya ambil bidang perubatan, namun ia langsung tidak kena dengan jiwa saya. Lebih-lebih lagi, dilahirkan di Kota Bharu sebagai budak bandar, menyebabkan ayah tidak sokong keputusan saya ketika ambil sijil perhutanan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (Frim)," katanya.

Wan Hafeez berkata, demi minat pada perhutanan, dia tekad membuktikan pada ayahnya dengan menyambung pelajaran sijil di Insituti Latihan Perhutanan Kepong di Frim juga layak melanjutkan pelajaran ke Diploma Perhutanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum meneruskan dalam bidang sama di peringkat Ijazah.

Dia mengakui, bukan tugas mudah baginya untuk meyakinkan ayahnya.

"Saya belajar bersungguh-sungguh demi membuktikan bidang yang dipilih itu juga



Keluarga Wan Hafeez.

mampu membawa saya ke menara gading.

"Kerana saya percaya dengan cara itu sahajalah ayah boleh terima keputusan saya apabila berjaya sambung pelajaran ke universiti," katanya.

MASUK HUTAN

Wan Hafeez berkata, sepanjang tempoh pengajiannya, dia sering masuk ke hutan



Wan Hafeez (kanan) ketika berada di dalam hutan membuat kajian.

bagi mendapatkan maklumat.

Malah anak kedua daripada tiga beradik ini juga berkata, dia tidak hanya duduk di kelas untuk belajar tetapi sering masuk hutan untuk membuat kajian.

Lazimnya, dia akan masuk ke dalam hutan untuk membuat bancian terutamanya pada pokok. Saya perlu tahu kewujudan pelbagai jenis pokok dan spesies yang ada di dalam hutan tersebut.

"Ini akan membawa kepada proses pembalakan yang betul selain dapat menjaga ekosistem alam sekitar di kawasan itu," katanya.

NYARIS BERTEMBUNG SEKUMPULAN GAJAH

Saat ditebak mengenai pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika berada di dalam hutan, dia mengakui pernah terserempak dengan sekumpulan gajah.

Kejadian pada 2014 itu berlaku ketika berada di kawasan Tasik Kenyir bersama-sama Jabatan Perhutanan.

"Pada ketika itu, kami sedang menunaikan solat Maghrib sebelum terdengar jeritan rakan yang mengatakan ada sekumpulan gajah yang mahu melintasi kawasan perkhemahan.

PROFIL

Nama: Wan Mohamad Hafeez Bin W Ahmad

Asal: Kota Bharu, Kelantan

Umur: 26 tahun

PENDIDIKAN:

- Sekolah Kebangsaan Ismail Petra 1, Kota Bharu, Kelantan

- Sekolah Menengah Kebangsaan Putera, Kota Bharu, Kelantan

- Institut Latihan Perhutanan Kepong

- UPM Kampus Bintulu, Sarawak

- UPM Serdang

"Kami bergegas menyalakan api sebagai salah satu cara untuk menghalau dan membuatkan kumpulan haiwan itu menggunakan laluan lain," katanya.

"Rupa-rupanya, tempat kami berkhemah itu merupakan laluan gajah selain menemui tapak kaki dan najis haiwan sepanjang laluan.

"Kami memang bernasib baik kerana dapat bertindak awal. Jika tidak, entah apa yang akan terjadi," katanya lagi.

JANGAN PERNAH TAKUT PILIH BIDANG DIMINATI

Wan Hafeez sempat menitipkan pesanan buat anak muda agar jangan pernah takut untuk meneroka bidang perhutanan.

Menerusi kursus perhutanan, pelbagai pengalaman akan ditimba dan tidak semua orang boleh mendapatkannya.

Menurutnya, pastinya pengalaman berkhemah beramai-ramai bersama-sama kawan, merasa susah di dalam hutan membuatkan diri akan belajar dengan sendiri cara survival hidup.

"Sejujurnya, sebelum saya masuk dalam bidang perhutanan, saya dilabelkan 'lembik', malah banyak benda saya tidak pandai... Biasalah, anak bandar. Namun, selepas masuk dalam bidang perhutanan, perlahan-lahan saya dapat rasakan perubahan di dalam diri," katanya sambil berharap agar lebih ramai pelajar mengambil jurusan ini.



Wan Hafeez (kiri) ketika membuat perbincangan bersama Jabatan Perhutanan ketika berada di lokasi.